

WAKAF TUNAI DI INDONESIA

Suhwardi K Lubis

Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara,

Jl. Muchtar Basri No. 3, Medan 20238, Indonesia; Jl. IAIN 1 Medan 20235

E-Mel: suhwardilubis@yahoo.co.id; **Tel:** 061 6619056;

Tahap Pengajian: Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti kedudukan hukum wakaf tunai dalam fiqh dan dalam perundangan di Indonesia. Selain itu, ia juga bertujuan mengkaji polisi wakaf tunai yang dilakukan oleh pihak pemerintah Indonesia. Untuk tujuan ini, kertas kerja ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama akan membincangkan rumusan wacana ahli-ahli fiqh di Indonesia. Bahagian kedua akan membincangkan kedudukan wakaf tunai dalam perundangan wakaf di Indonesia. Bahagian ketiga akan membincangkan polisi pengelolaan wakaf tunai pemerintah Indonesia.

Kertas kerja ini akan menunjukkan bahawa wakaf tunai telah mendapat sokongan daripada ahli fiqh dan Majelis Ulama Indonesia. Begitu juga ia telah dilaksanakan dengan persetujuan pemerintah Indonesia melalui Undang-Undang Nomor 41 Tahun 2004. Kertaskerja ini juga akan mempamerkan bahawa pemerintah Indonesia telah mengeluarkan pelbagai polisi untuk menyokong peningkatan keberkesanan wakaf tunai, khususnya melalui pelbagai peraturan yang dibuat oleh Direktorat Pengembangan Zakat dan Wakaf Departemen Agama Republik Indonesia. Selain itu, masyarakat Indonesia juga mulai sedar betapa pentingnya wakaf tunai untuk kemajuan Islam, bahkan pelbagai institusi pendidikan dan keagamaan di Indonesia sudah mulai mengembangkannya.